

UNTUK SIARAN SEGERA

***Make Beautiful Happen* bersama Panasonic Beauty**

Memperkenalkan rangkaian terbaharu Penjagaan Kecantikan dan Kesihatan, menambahbaik keseluruhan rangkaian produk Panasonic Beauty

Bandar Utama, 11 November 2017 – Panasonic memperkenalkan rangkaian terbaharu siri Penjagaan Rambut dan rangkaian baharu Pengurut Udara Kaki untuk kaki semasa jerayawara yang berlangsung di One Utama Shopping Mall, Petaling Jaya. Satu persembahan hebat telah disediakan di ruang legar Highstreet yang menampilkan rangkaian luas produk Kecantikan yang ditawarkan oleh Panasonic.

Pengarah Urusan Panasonic Malaysia, Encik Cheng Chee Chung berkata, “Kami berasakan bahawa amat penting bagi kami untuk terus memperkenalkan produk-produk yang lebih berkuasa dan inovatif ke dalam pasaran. Pengguna seharusnya diberikan pelbagai pilihan untuk membolehkan mereka memilih produk yang paling sesuai untuk gaya hidup mereka.”

“Melalui jerayawara sebegini, kami dapat menunjukkan kepada para pengguna rangkaian produk yang kami tawarkan, yang sentiasa menambahbaik gaya hidup lelaki dan wanita Malaysia”, tambah Cheng.

Make Beautiful Happen adalah tema Panasonic Beauty yang dilancarkan pada tahun 2015. Slogan ini bertujuan untuk mempromosikan kecantikan dalam ertikata yang lebih meluas kerana kecantikan sebenar merangkumi setiap aspek kehidupan insan dan bukan bersandarkan wajah semata-mata.

“Kecantikan ada di sekeliling kita dan ia mungkin satu detik indah atau perbuatan yang ikhlas. Ada ketika, kita sendiri yang perlu melakukannya”

Antara produk utama yang diperkenalkan:

Siri Penjagaan Rambut

1. Pengering Rambut 2500W - EH-NE82, RM269 dan EH-NE81, RM219
Pengering rambut baharu berkuasa lebih tinggi dengan Perapian Ion yang menampilkan ciri-ciri pengeringan pantas namun meminimumkan kerosakan rambut. Dengan Sensor Perlindungan Haba Termaju, suhu udara boleh dikawal secara automatik untuk mengelakkan pemanasan berlebihan.

2. Pelurus Rambut - EH-HS99, RM479

Pelurus rambut nanoe baharu untuk menghasilkan rambut lurus menawan yang kekal sepanjang hari. Menggunakan teknologi nanoe, kelembapan dibawa terus kepada rambut, memberikannya kemasan yang lembut dan berkilau.

(rujuk lampiran produk untuk maklumat lanjut)

Pengurut Udara Kaki

1. Pengurut Udara Kaki - EW-RAJ6-P422, RM1799 & EW-RAH6-K422, RM999

Produk terbaharu ini mengurut 12 titik dari ibu jari hingga ke peha, menyediakan 8 program urutan berlainan untuk memenuhi keperluan individu. Membelai manja kaki anda, Pengurut Udara Kaki ini adalah cara terbaik untuk bersantai selepas seharian bekerja.

(katalog produk lengkap dilampirkan di dalam Kit Akhbar)

Turut hadir pada hari Sabtu adalah selebriti terkenal Hong Kong, Cik Ali Lee. Kemunculan Cik Alia Lee sememangnya dinantikan di mana beliau turut berkongsi dengan para hadirin petua kecantikan beliau, menggunakan produk Panasonic Beauty. Ia membuktikan bahawa produk Panasonic Beauty adalah produk sempurna untuk melengkapi gaya hidup kesihatan dan kecantikan anda.

Tentang Panasonic Malaysia

Panasonic Malaysia Sdn Bhd merupakan syarikat jualan, perkhidmatan dan pemasaran untuk jenama Panasonic bagi produk elektrik dan elektronik antaranya audio visual, perkakas rumah, penyaman udara, kualiti udara dalaman, perniagaan solar, kamera digital & video, peralatan penyiaran profesional, penyelesaian sistem, telekomunikasi, penjagaan kesihatan & kecantikan, bateri dan pencahayaan. Semua produk Panasonic boleh didapati melalui pengedar sah di seluruh negara. Untuk maklumat lanjut tentang produk dan jenama Panasonic, layari laman web kami di www.panasonic.com.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan kami di 03-7953 7600.

Untuk rakan media, muat turun acara, siaran akhbar produk dan foto di www.pmpressroom.com

Media Contact: Mazlee Mokhtar
Pengurus, Komunikasi Korporat
Jabatan Inovasi Pemasaran
Panasonic Malaysia Sdn Bhd
Tel: 03 7809 7877 Fax: 03 7955 0722
Email: mazlee.mokhtar@my.panasonic.com